**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 30 Aug2021 (Monday)

**Berita Harian**
Air selangor terima pengiktirafan MBOR 1

**Utusan Malaysia**
Angkat sumpah hari ini 2
Khazanah agung Mohamed Hamzah 3
Kepemimpinan baharu pemangkin pemulihan 4
Govicle tembusi global, bina sistem parkir pintar 5
'Bukan salah Ashmawi 100%' 6

**Harian Metro**
Jaipk buat laporan polis, SKMM 7

**Kosmo**
Kabinet Ismail Sabri angkat sumpah hari ini 8
Pupuk semangat juang anak muda 9

**Sinar Harian**
Air Selangor dapat pengiktirafan MBOR 10

**Berita Harian Online**
'Tun Ahmad Sarji komited pembaharuan sektor awam' 11

**Utusan Malaysia Online**
Sultan Selangor zahir dukacita pemergian Tun Ahmad Sarji 12

**The Star**
Varied SOP for night markets in Selangor causes confusion 13
PARK REOPENING 14
ROAD CLOSURE 15
Worldwide Holdings enters agreements with local authorities 16

**The Sun**
AIR SELANGOR GETS MBOR RECOGNITION 17

**China Press**
5 patients die daily at home; No symptoms quarantine at home won't work. 18
Salipa: 3995 morning market, night markets and agricultural bazaars in Petaling Jaya area resume operation. 19
Pandemic zero income . Traders call for help; Hope license fee exemption to reduce burden. 20
Jabatan Alam Sekitar outlaw asphalt plant; Polluted air and stoppage of work for 2 weeks. 21
Pandamaran New Village Papan Road morning market upgrade again; 98 hawkers temporarily relocated to temporary location. 22
High-pressure water gun eradication the mud and dirt in ditch; Dredge Klang ditch to prevent flood. 23

**Astro Vinmeen HD**
Ambil tindakan dengan segera 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Air selangor terima pengiktirafan MBOR |
| Muka Surat | : | 17 |

# Air Selangor terima pengiktirafan MBOR

**Kuala Lumpur:** Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi rekod 'Penyertaan Terbesar Bagi Persembahan Lagu Secara Maya' sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-64.

Ketua Komunikasi Korporat Air Selangor, Elina Baseri, berkata rekod itu disahkan MBOR pada sesi nyanyian beramai-ramai lagu *Tanggal 31 Ogos* dendangan Allahyarham Datuk Sudirman Arshad serentak pada 20 Ogos lalu membabitkan 3,126 warga kerja di ibu pejabat dan semua pejabat wilayah di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya.

"Di sebalik kekangan dihadapi sepanjang tempoh Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN), Air Selangor berjaya melaksanakan acara sambutan ini menerusi platform dalam talian.

"Ia diadakan dengan matlamat menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kerja Air Selangor," katanya.

BERNAMA

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Angkat sumpah hari ini |
| Muka Surat | : | 4 |

# Angkat sumpah hari ini

**Oleh OMAR ZIN**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Seramai 69 ahli Parlimen akan mengangkat sumpah sebagai menteri dan timbalan menteri di Istana Negara pada pukul 2.30 petang hari ini.

Ini selepas barisan Jemaah Kabinet baharu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob setelah senarai anggota Kabinet menerima perkenan Yang di-Pertuan Agong minggu lalu.

Secara tradisinya, pelantikan secara rasmi diadakan dalam istiadat mengangkat sumpah jawatan dan setia serta sumpah simpan rahsia di hadapan Seri Paduka.

Daripada 69 ahli Parlimen, 31 daripada mereka dilantik sebagai menteri manakala 38 lagi sebagai timbalan menteri, jumlah yang sama ketika kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Daripada 31 menteri, 16 daripada mereka mengekalkan jawatan di kementerian sama manakala dalam 38 timbalan menteri, 22 kembali memegang jawatan dalam Kabinet.

Terdapat empat menteri kanan yang akan mengangkat sumpah iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein sebagai Menteri Pertahanan, Datuk Seri Fadillah Yusof sebagai Menteri Kerja Raya dan Senator Datuk Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin sebagai Menteri Pendidikan.

Senator Idris Ahmad dan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu adalah dua muka baharu yang pertama kali dilantik sebagai menteri Persekutuan.

Selain itu, Datuk Seri Shahidan Kassim, Tan Sri Noh Omar, dan Datuk Seri Mahdzir Khalid kembali dilantik sebagai menteri Persekutuan setelah kali terakhir berkhidmat pada 2018.

Berdasarkan komposisi parti dalam Kabinet, 13 menteri daripada Barisan Nasional (BN), 13 Perikatan Nasional (PN) diikuti empat menteri daripada Gabungan Parti Sarawak (GPS), seorang menteri Parti Bersatu Sabah (PBS) dan seorang menteri Bebas.

Selebihnya, 19 timbalan menteri adalah anggota PN berbanding 15 timbalan menteri BN dan baki empat lagi anggota GPS.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Khazanah agung Mohamed Hamzah |
| Muka Surat | : | 19 |

# Khazanah agung Mohamed Hamzah

**Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamulia.com.my

TIADA kata secantik bahasa, tiada bendera seindah Malaysia. Dalam kemegahan mengibarkan bendera kebanggaan itu, jangan pernah dilupa jasa perekanya, Allahyarham Mohamed Hamzah yang memerah ilham dan keringat mudanya demi sebuah identiti bangsa.

Walaupun beliau bukanlah pahlawan yang berjuang menghunus senjata dalam membebaskan negara tercinta, namun sumbangannya dalam membentuk jati diri bangsa tidak boleh dipandang sepi.

Dua minggu masa diambil oleh arkitek dari Johor itu menyiapkan empat lakaran bendera. Kemudian dihantar menyertai pertandingan mereka bentuk bendera baharu Persekutuan Tanah Melayu pada 1949.

Tuah menyebelahi apabila salah satu rekaan beliau menempah tempat tiga teratas daripada 373 penyertaan ketika itu.

Rekaan berlatarkan jalur biru dan putih dengan kanton merah yang diletakkan bentuk bulan sabit serta bintang pecah tiga berwarna putih.

Ia kemudiannya mendapat undian tertinggi daripada masyarakat apabila Majlis Perundangan Persekutuan menyerahkan keputusan pemilihan kepada orang awam.






ALLAHYARHAM MOHAMED HAMZAH

Allahyarham Mohamed kemudiannya melalui beberapa sesi perbincangan dengan golongan ternama seperti Menteri Besar Johor pada ketika itu, Datuk Onn Jaafar untuk meminda beberapa elemen pada bendera mengikut kesesuaian.

Antara elemen perubahan dibincangkan adalah penukaran warna jalur biru putih kepada merah putih, kanton merah kepada biru serta penambahan bintang kepada pecah 11 bagi mengelakkan persamaan dengan simbol komunis yang menyerang negara pada waktu itu.

Selain itu, warna putih pada bulan sabit dan bintang juga ditukar kepada warna kuning. Ia atas permintaan pihak di raja untuk melambangkan Raja-Raja Melayu.

Anak muda berusia 29 tahun itu menerima cadangan pindaan tersebut dan satu persidangan Majlis Raja-Raja akhirnya memuktamadkan bendera berkenaan sebagai bendera rasmi.

Ia pertama kali dikibarkan di Istana Selangor pada 16 Mei 1950 sebelum dinaikkan dan dikibarkan secara rasmi semasa detik bersejarah 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor diiringi lagu kebangsaan, *Negaraku* yang diperdengarkan buat pertama kalinya kepada umum.

Setelah berkibar megah hampir 40 tahun, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akhirnya mengumumkan nama rasmi bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang yang dipakai hingga kini.

**MERENDAH DIRI**

Salah satu sikap terpuji Allahyarham Mohamed yang juga merupakan arkitek terkenal di Jabatan Kerja Raya Negeri Johor adalah merendah diri dan tidak gemar menonjol.

Figura berdarah campuran Cina dan India Muslim itu kekal menjadi misteri dan tanda tanya dalam kalangan masyarakat. Ini kerana beliau meminta ahli keluarganya merahsiakan penglibatan dirinya dalam mereka bentuk jalur gemilang.

Sehinggakan ada akhbar yang membuat siri liputan khas menjejak pereka jalur gemilang bagi mengenali sosok individu yang bertanggungjawab menghasilkan salah satu lambang jati diri bangsa dan negara.

Rahsia itu hanya terbongkar selepas kematiannya pada 1993 di usia 74 tahun menerusi penyelidikan terperinci dan bukti penyertaannya dalam pertandingan mereka cipta bendera serta pendedahan daripada ahli keluarganya sendiri.

Begitulah kisah kecintaan seorang pemuda dalam bidang seni lukis sejak dari kecil yang diabadikan dalam Jalur Gemilang yang dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia sehingga ke hari ini.



JALUR Gemilang sudah gah berkibar di puncak gunung tertinggi, angkasa lepas, malah di lautan dunia menjadi bukti rakyat Malaysia sudah meneroka pelosok dunia.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Kepemimpinan baharu pemangkin pemulihan |
| Muka Surat | : | 30 |

# Kepemimpinan baharu pemangkin pemulihan

**Oleh NURFARAHIN HUSSIN**
utusannews@medaimulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pembentukan kepemimpinan baharu barisan kabinet di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bakal menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi di tengah-tengah situasi pandemik ini.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, harapan besar diberikan kepada pimpinan Ismail Sabri dalam tempoh 100 hari seperti yang disasarkan dalam ucapan pengumuman barisan kabinet baru-baru ini.

Ujarnya, pembentukan tersebut melegakan ramai pihak setelah melalui ketidaktentuan yang berterusan selama beberapa bulan.

"Pengukuhan nilai ringgit dan indeks pasaran saham pada minggu lalu merupakan antara reaksi positif setelah pelantikan Perdana Menteri.

"Ini kerana ketidakstabilan politik yang memuncak sehinggalah peletakan jawatan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin telah meletakkan negara dalam krisis yang berganda, iaitu krisis kesihatan, ekonomi dan politik," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.



**ISMAIL SABRI (depan, kanan) mengekalkan ketiga-tiga tonggak Kabinet dalam hal ehwal ekonomi iaitu Tengku Zafrul (depan, kiri); Mohamed Azmin (depan, tengah) dan Mustapa (tiada dalam gambar).**

Jumaat lalu, Ismail Sabri mengumumkan barisan kabinet pentadbirannya yang antara lain mengekalkan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Menteri Kewangan dan Datuk Seri Mustapa Mohamed sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

Mengulas lanjut, Aimi Zulhazmi memaklumkan, Malaysia masih merupakan tarikan utama kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan kerana mempunyai rekod yang baik selepas berjaya keluar daripada setiap kemelesetan ekonomi dengan jayanya.

"Inilah yang menjadi sandaran keyakinan kepada rakyat dan para pelabur untuk terus bersifat positif setiap kali Malaysia melalui krisis-krisis sebelum ini," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Govicle tembusi global, bina sistem parkir pintar |
| Muka Surat | : | 31 |

# Govicle tembusi global, bina sistem parkir pintar



**MUKADIMAH**

BERMULA dengan kegagalan mencari penyelesaian parkir kenderaan digital untuk Terminal Bersepadu Selatan (TBS) pada 2008, ia tidak mematahkan semangat Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Govicle Sdn. Bhd., **MUHAMAD NASIR HABIZAR** untuk mengubah landskap tempat letak kereta di Malaysia menerusi pendigitalan.

Misi itu akhirnya direalisasikan melalui penubuhan syarikat berkenaan pada 2017 dan berjaya membina platform digital untuk kegunaan beberapa majlis perbandaran dan para pengguna di negara ini termasuk di luar negara.

"Kita mahu memperluas sistem parkir pintar di peringkat global dengan keupayaan 100 peratus bakat tempatan," kata Muhamad Nasir kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **MAISARAH SHEIKH RAHIM** dan jurugambar, **FAISOL MUSTAFA** ketika ditemui di pejabatnya di Cyberjaya, baru-baru ini.

**UTUSAN: Boleh kongsikan serba sedikit tentang Govicle.**

**MUHAMAD NASIR**: Govicle Sdn. Bhd. yang sebelumnya dikenali sebagai JomParkir Sdn. Bhd., ditubuhkan pada tahun 2017. Idea visi dan misi syarikat bermula pada tahun 2008 apabila saya diundang untuk mencari penyelesaian tempat letak kereta digital di Malaysia, pada sesi yang dihoskan oleh Maju Holdings.

Objektif utama sesi temubual tersebut adalah untuk mengemukakan penyelesaian tempat letak kereta untuk TBS. Namun inisiatif itu tidak berhasil. Bertitik tolak dari situ ia menjadi motivasi kepada saya untuk mengubah landskap tempat letak kereta di negara ini dengan memberikan penyelesaian tempat letak kereta digital bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengguna.

Bermula dengan menjadi peneraju industri parkir kenderaan digital di Malaysia, syarikat berkembang secara beransur-ansur dan memperluas perkhidmatan ke negara di Asia Tenggara dan kini 'menguasai' lebih dari 20 lokasi di seluruh negara termasuk dua lokasi di luar negara iaitu di Arab Saudi dan Sri Lanka.

Pada penggal pertama tahun ini, syarikat melancarkan lima lokasi terbaharu iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Sepang, Perbadanan Putrajaya (PPj), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan Majlis Daerah Pasir Mas, Kelantan.

**Apakah bentuk perniagaan utama syarikat ini?**

Govicle Sdn. Bhd. adalah syarikat teknologi *Vehicle-to-Everything* (V2X) terkemuka di Asia Tenggara. Dengan tujuan membina pertukaran data kenderaan pertama di Asia Tenggara, Govicle memanfaatkan peluang pasaran dengan memberi tumpuan kepada V2X, internet benda (IoT) dan pengintegrasi sistem (SI).

Govicle kini mengembangkan perniagaannya dan akan memperkenalkan aplikasi super berorientasikan V2X yang mana fokus kami adalah menyediakan pengguna dengan lima tonggak utama perkhidmatan merangkumi tempat letak kenderaan pintar, perkhidmatan pintar, keselamatan pintar, ejen pintar dan tiket pintar.

**Apakah insiatif terkini yang dibangunkan Govicle?**

Govicle akan melancarkan aplikasi super itu pada 1 September ini. Ia sebuah aplikasi khusus kepada pengguna kenderaan yang memenuhi keperluan harian kenderaan mereka.

Salah satu perkhidmatan terbaik dalam aplikasi itu ialah bantuan kecemasan SOS 24/7 untuk pemandu yang terkandas di jalan raya bagi mendapatkan bantuan segera dari pihak berkuasa termasuk bantuan perubatan dengan cara lebih sistematik, sekiranya mereka menghadapi kemalangan tidak dijangka semasa berada di jalan raya.

Antara perkhidmatan lain dalam aplikasi Govicle ialah pengguna boleh mendapat akses terus pembaharuan insurans kereta dan cukai jalan dengan potongan diskaun sebanyak 10 peratus. Di samping itu, pengguna juga dapat memantau keperluan pengurusan kenderaan mereka seperti perkhidmatan dan status jaminan kereta, peringatan penyelenggaraan dan sejarah perbelanjaan. Inilah beberapa kemudahan yang disediakan Govicle kepada pengguna.

**Apakah jangkaan nilai pendapatan syarikat dalam tempoh setahun?**

Sebelum wabak Pandemik Covid-19 berlaku, Govicle meraih sebanyak lima juta transaksi pada 2019 dengan lebih setengah juta pengguna aktif. Pada tahun berkenaan, syarikat kami mencatat keuntungan RM10 juta.

Pertumbuhan Govicle semasa wabak Covid-19 agak mencabar tetapi masih kukuh kerana syarikat kami terus menjana hampir sejuta pengguna, di samping 14 pelancaran lokasi terbaharu iaitu tujuh di pasaran domestik dan tujuh di luar negara.

Kami akan mengembangkan perkhidmatan ke lebih banyak negara dengan terdekat adalah di Thailand pada tahun depan, selain Brunei dan Indonesia.

Seperti di Arab Saudi, perkhidmatan kami berkembang baik di sana memandangkan kerajaan Arab Saudi memberi fokus ke arah pendigitalan dan transaksi tanpa tunai. Negara berkenaan mahu perkhidmatan kami dikembangkan di stesen kereta api dan taman-taman awam termasuk taman tema di Riyadh.

**Adakah syarikat terkesan dengan pandemik Covid-19? Bagaimanakah strategi dan pendekatan perniagaan diambil syarikat untuk bertahan dalam tempoh pandemik dan melangkah ke hadapan terutama dalam penggunaan digital?**

Banyak perniagaan menghadapi cabaran dalam masalah kewangan kerana wabak Covid-19 dan Govicle tidak terkecuali. Govicle menghadapi masalah kewangan pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020. Bagaimanapun, kami berjaya memperoleh pembiayaan modal dari salah sebuah syarikat Korea iaitu Capitalist Venture yang dikenali sebagai TheVentures.

Kerjasama strategik Govicle dengan TheVentures membolehkan syarikat kami membina pertukaran data kenderaan pertama di Asia Tenggara. Ini memberikan nilai lebih besar kepada semua pihak berkepentingan kami, khususnya PBT ke arah proses digitalisasi dan perkhidmatan dalam menerajui industri V2X.

Selain itu, kami bekerjasama rapat dengan agensi lain seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii); Cyberview; Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) serta Cradle Fund. Pihak kami mendapat pembiayaan dana daripada agensi-agensi kerajaan berjumlah RM6.2 juta sejak ditubuhkan.

Govicle sangat berbesar hati kerana menjadi salah satu daripada 200 usahawan teknologi terkemuka mendapatkan dana melalui pelbagai platform pendanaan awam.

Setelah sekatan pergerakan berakhir, terdapat peningkatan pesat untuk muat turun produk utama syarikat yang merupakan aplikasi JomParking memandangkan Malaysia menggunakan sepenuhnya penyelesaian tanpa tunai dan digital.

Pada masa sama, Govicle menyusun semula strategi perniagaan kami dan mampu bertahan dengan menyesuaikan diri terhadap perubahan keperluan perniagaan ketika ini termasuk menjenamakan semula JomParkir menjadi Govicle dan kini mengutamakan konsep produk baharu kami iaitu Govicle App.

**Apakah pencapaian terbaik syarikat sepanjang tempoh ini?**

Produk kami adalah 100 peratus buatan Malaysia dengan kepakaran anak-anak muda tempatan yang bakal melebarkan sayap ke lebih banyak negara luar untuk membangunkan sistem parkir kenderaan pintar.

Setakat ini, kami menerima pelbagai anugerah dan pencapaian seperti Best IoT Startup 2018, Malaysia Rice Bowl Startup Award, Best IoT Innovation Award 2018, Cradle Coach & Grow Program season 4 (CGP4), Malaysia Top 5 finalist 2018, Most Innovative Financial Technology Product, FinTech Finals Pitch Competition, Top 10 Selangor Accelerator Programme 2019, Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC), Top 35 finalist 2018, AmBank BizRACE Entrepreneurship Challenge, Cradle Startup Ambassador Award 2019 dan MARii Mobility-as-a-Service (MaaS) Scale Up Programme 2019.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 30 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | 'Bukan salah Ashmawi 100%' |
| Muka Surat | : | 38 |

# 'Bukan salah Ashmawi 100%'

Oleh **ROZAIDI ZULKIFLI**
rozaidi.zulkifli@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA :** Pengendali Selangor, Karsten Neitzel enggan meletakkan kesalahan 100 peratus kepada pertahanannya, Ashmawi Yakin yang dilayangkan kad merah sekali gus menyaksikan mereka perlu bermain 10 pemain sepanjang perlawanan.

Tindakan Ashmawi melakukan terjahan dari belakang ke atas penyerang Melaka, Sony Norde pada minit ke-27 memakan dirinya dan memberi kesan kepada pasukan yang terpaksa menyerap lebih banyak asakan daripada pasukan pelawat.

*Red Giants* terlebih dahulu di depan menerusi ledakan penyerang muda Myanmar, Hein Htet Aung pada minit ke-18 sebelum disamakan pemain tengah dari Filipina, Manuel Ott (m-90+4) untuk menamatkan aksi 1-1 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Neitzel, berkata dalam bola sepak tindakan yang dilakukan Ashmawi itu kadang-kala perlu bagi memastikan gawang pasukan tidak terancam.

"Kad merah itu itu jelas dan saya tidak sempat bercakap dengan Ashmawi lagi. Tetapi (tindakannya) mahu mendapatkan bola dan terpaksa melakukan terjahan itu hingga mendapatkan kad.




**PERTAHANAN Selangor, Oliver Buff (tiga dari kiri) berebut bola di udara dalam saingan Liga Super ketika berdepan Melaka United di Stadium MBPJ, malam kelmarin. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON**

"Situasi berkenaan dalam bola sepak ada masanya berlaku dan perlu namun apa yang pasti kami akan kehilangan seorang lagi pemain untuk aksi berikutnya," katanya.

Sementara itu, pengendali Melaka United, Zainal Abidin Hassan berkata, dia berasa lega apabila dapat membawa pulang satu mata tetapi sedikit kecewa dengan prestasi pemain yang tidak konsisten dan melakukan kesilapan mudah.

"Lebih kurang 10 gol kita terlepas (dalam lapan aksi sebelum ini), boleh kata 80 peratus adalah kesilapan.

"Hari ini (kelmarin) saya mengingatkan lagi mereka dan nampaknya ia masih berlaku juga.

"Bagaimanapun kami mendapat kelebihan selepas Selangor bermain 10 orang , mereka (pemain Melaka) nampak lebih tersusun kerana kelebihan ini, cuma mereka tidak memanfaatkan peluang itu pada separuh masa pertama," jelasnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 30 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Jaipk buat laporan polis, SKMM |
| Muka Surat | : | 8 |

# Jaipk buat laporan polis, SKMM

**Kuala Lumpur:** Bimbang dakyah berhubung ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) terus tersebar di media sosial, Jabatan Agama Islam Perak (Jaipk) sudah membuat laporan kepada polis serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Pengarahnya Datuk Mohd Yusop Husin berkata, laporan berkenaan dibuat kira-kira tiga minggu lalu susulan aduan diterima pihaknya berhubung ajaran PMYT.

Mengulas lanjut, Mohd Yusop berkata, tidak ada pusat aktiviti ajaran berkenaan dikesan di negeri itu namun pihaknya khuatir mengenai dakyah yang disebarkan menerusi media sosial.

"Kita mendapat maklumat awal mengenai ajaran itu dan membuat laporan polis serta SKMM.

"Kita difahamkan (ajaran ini) ada di merata-rata. Jadi laporan dibuat untuk pihak berkuasa terbabit mengambil tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi.

Mohd Yusop berkata, pihaknya dimaklumkan ada perancangan untuk mengembangkan ajaran berkenaan di negeri itu namun pihaknya masih belum mengesan sebarang aktiviti setakat ini.

Katanya, beliau menasihatkan umat Islam khususnya di Perak supaya berhati-hati dan mendalami ilmu agama daripada sumber yang betul dan tidak menyeleweng.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Datuk Mohd Shahzihan Ahmad ketika dihubungi mengesahkan pihaknya sudah menerima laporan mengenai ajaran terbabit.

**Jais sudah menerima laporan mengenai ajaran PMYT**

Katanya, umat Islam diminta merujuk kepada pihak berkuasa agama negeri terhadap sebarang persoalan dan isu membabitkan percakapan, perbuatan serta lain yang meragukan, mengelirukan dan menyimpang yang mungkin bertentangan dengan prinsip hukum syarak.

"Ada (aduan) dan Jais sedang meneliti perkara ini. Orang awam diminta tidak membuat sebarang tuduhan mendahului fatwa, undang-undang dan mahkamah," katanya.

Menurutnya, satu laporan bakal dikemukakan kepadanya dalam masa terdekat dan pihaknya akan menentukan langkah seterusnya yang perlu diambil.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>30 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Kabinet Ismail Sabri angkat sumpah hari ini |
| Muka Surat | : | 6 |

# Kabinet Ismail Sabri angkat sumpah hari ini

SERAMAI 31 menteri dan 38 timbalan menteri yang membarisi Kabinet di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan mengangkat sumpah jawatan masing-masing di Istana Negara, Kuala Lumpur hari ini.

▸ BERITA DI MUKA 6





KESEMUA menteri dan timbalan menteri akan angkat sumpah di Istana Negara hari ini.

Istiadat pelantikan berlangsung di Istana Negara

# Kabinet Ismail Sabri angkat sumpah hari ini

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Seramai 31 menteri termasuk empat menteri kanan dan 38 timbalan menteri yang membarisi Kabinet di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan mengangkat sumpah jawatan masing-masing di Istana Negara, Kuala Lumpur hari ini.

Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia itu akan berlangsung pada pukul 2.30 petang dengan disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut dijangka berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Dijadualkan turut hadir ialah Perdana Menteri; Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Difahamkan, istiadat angkat sumpah itu akan dibuat mengikut beberapa kumpulan dan dimulakan dengan anggota jemaah menteri kanan iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Radzi Jidin selain Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.



MOHAMED AZMIN



HISHAMMUDDIN

Majlis itu juga akan menyaksikan sembilan muka baharu menteri dan timbalan menteri mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

Kesemua mereka diumum sebagai ahli pentadbiran negara Jumaat lalu selepas Ismail Sabri mengangkat sumpah jawatan pada 20 Ogos lalu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>30 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Pupuk semangat juang anak muda |
| Muka Surat | : | 10 |

# Pupuk semangat juang anak muda

**TANGGAL** 31 Ogos 1957 merupakan tarikh keramat Malaysia mencapai kemerdekaan serta bebas daripada penjajah.

Kemerdekaan sebuah negara adalah antara nikmat serta kejayaan terbesar yang perlu dipertahankan setiap individu.

Sudah dua kali sambutan hari bersejarah negara berbeza disebabkan pandemik Covid-19, tiada lagi acara bunga api dan perarakan ekoran rakyat perlu hidup dengan norma baharu.

Namun, masih ramai rakyat yang belum faham akan makna kemerdekaan. Makna pada diri, masyarakat dan negara.

Generasi baru mahupun remaja masa kini perlu disematkan erti kemerdekaan dan cintakan negara dan 31 Ogos bukan sekadar hari cuti buat mereka.

Pakar Sosiologi Universiti Selangor, Dr. Mohd. Zaidi Mohd. Hajazi berkata, golongan muda kurang diberi ilmu pengetahuan serta makna erti kemerdekaan kepada sesebuah negara itu.

"Golongan ini mungkin kurang fahaman tentang makna serta sejarah-sejarah bagaimana negara kita hendak mencapai status merdeka.

"Generasi muda masa kini merupakan masa hadapan negara dan mereka perlu diberi ilmu kemerdekaan dari kecil lagi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

